

Sekolah Wawasan: 3 menteri jumpa Musa

Oleh Jami'ah Shukri

BH - 9 NOV 2000

Menteri yang mewakili masyarakat Cina akan berbincang dengan Menteri Pendidikan mengenai pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan dan keberkesanannya

KUALA LUMPUR, Rabu - Tiga menteri Kabinet yang mewakili pemimpin Cina akan bertemu dengan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, untuk membincangkan pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan, akhir bulan ini.

Ketiga-tiga menteri itu ialah Menteri Pengangkutan yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Dr Lim Keng Yaik (Gerakan) dan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding (Parti Bersatu Rakyat Sarawak).

Dr Ling ketika ditemui selepas mesyuarat mingguan kementeriaannya berkata, perjumpaan itu untuk membincangkan secara menyeluruh pelaksanaan konsep Sekolah

Wawasan bagi mendapatkan idea jelas serta bagaimana ia dapat dijayakan dengan berkesan.

Katanya, MCA sentiasa menyokong sepenuhnya pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan kerana ia satu usaha baik yang mampu melahirkan intragrasi nasional di kalangan pelajar pelbagai bangsa pada peringkat sekolah.

"Kita mahu mewujudkan

Sekolah Wawasan tanpa menimbulkan sebarang rasa tidak puas hati dan menjaga sensitiviti semua pihak.

"Kita percaya, konsep ini bertujuan murni dan perlu dilaksanakan. Sekolah Wawasan memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi, berkomunikasi dan menjalankan aktiviti sukan bersama menerusi kegiatan tambahan," katanya ketika diminta mengulas bantahan Dong

Jiao Zhong terhadap konsep Sekolah Wawasan.

Dong Jiao Zhong berpendapat konsep Sekolah Wawasan akan menyebabkan generasi muda pelbagai kaum di negara ini perlu didedahkan kepada semangat perkongsian bagi menyuburkan kehidupan yang harmoni.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam, pertubuhan itu turut menyatakan pendiriannya mempertahankan pendidikan bahasa ibunda di bawah sistem pendidikan kebangsaan supaya identiti sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) tidak terjejas.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kecewa dengan bantahan Dong Jiao Zhong dan Hua Zhong. Sehubungan itu, Dr Ling

berkata pihaknya bersedia pada bila-bila masa untuk bertemu dengan pertubuhan Dong Jiao Zhong bagi membincangkan mengenai perkara terbabit.

Ketika ditanya kemungkinan ada desakan daripada pihak tertentu sehingga Dong Jiao Zhong membantah pelaksanaan itu, Dr Ling berkata:

"Saya tidak mahu mengulas lanjut mengenainya. Dulu mereka bersetuju. Saya tidak tahu mengapa mereka tukar fikiran," katanya.